



Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pengangkutan, Integrasi Nasional, Hal Ehwal Bukan Islam dan Kampung Baharu negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon (kiri) **menyerahkan rumah baharu kepada Bah Rose** yang dibina menerusi Skim Bantuan Perumahan Teratak Semai Bagi Masyarakat Orang Asli anjuran MMA di Tapah, semalam. Turut kelihatan Dr Ashok Zachariah Philip (tengah).

[FOTO ASRIZAL ARIS/BH]

# Empat keluarga Orang Asli dapat rumah baharu

**Tapah:** Empat keluarga Orang Asli di Kampung Batu 16, Jalan Pahang, di sini menerima rumah baharu yang dibina mengikut kehendak masyarakat itu sendiri menerusi Skim Bantuan Perumahan Teratak Semai Bagi Masyarakat Orang Asli anjuran Persatuan Perubatan Malaysia (MMA).

Ketua kampung, Bah Rose Bah Ranvin, 46, yang turut menerima rumah baharu berkata, beliau sangat terharu dan gembira terpilih menerima bantuan berkeajaan, malah dapat menentukan sendiri sama ada mahu ia diperbuat daripada konkrit atau papan.

## Rumah lebih selesa

Pengerusi MMA, Dr Ashok Zachariah Philip, berkata program dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) serta kerajaan Perak itu bertujuan menyediakan rumah lebih selesa kepada golongan memerlukan termasuk Orang Asli.